

D399

U. B898 AAB

MAHATHIR - PBS R R R

KUALA LUMPUR, 22 MEI (BERNAMA) -- KERAJAAN PUSAT SEDIA MEMBENTANGKAN DI PARLIMEN CADANGAN KERAJAAN NEGERI SABAH UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN AGAR KABINET NEGERI ITU DAPAT DIPERBESARKAN BERDASARKAN FORMULA +5=4=3+ JIKA ADA PERMOHONAN SECARA RASMI.

KETIKA MENYATAKAN DEMIKIAN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEPUTUSAN MELULUSKAN CADANGAN ITU ADALAH TERPULANG KEPADA PARLIMEN.

KERAJAAN SABAH BERCADANG MEMINDA PERLEMBAGAAN NEGERI UNTUK MENAMBAH TIGA ORANG MENTERI LAGI DALAM KABINETNYA MENJADIKAN 12 ANGGOTA. BAGAIMANAPUN IA DIDAPATI BERCANGGAH DENGAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN YANG MEMPERUNTUKKAN SEMBILAN ANGGOTA KABINET SAHAJA.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT ASTAKA MUSABAQAH MEMBACA AL QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA DI SINI MALAM INI, BELIAU BERKATA KETUA MENTERI SABAH DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN TELAH MEMBINCANGKAN PERKARA PINDAAN ITU DENGAN PEGUAM NEGARA TAN SRI ABU TALIB OSMAN.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, DALAM PERTEMUANNYA DENGAN DATUK PAIRIN BARU-BARU INI, PERKARA ITU TIDAK DIBINCANGKAN. -- LAGI.
0031MST 23 05 86

D392

U B891 AAB

MAHATHIR - PBS 2 KUALA LUMPUR R R R

DITANYA SAMA ADA MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL PADA MESYUARATNYA AKAN DATANG, MEMBINCANGKAN UNTUK MENERIMA PBS DAN USNO KE DALAM BARISAN NASIONAL, PERDANA MENTERI BERKATA + MUNGKIN+.

+ BAGAIMANAPUN SAYA TIDAK BOLEH MENENTUKAN PERKARA ITU KERANA AGENDA MESYUARAT BELUM DITETAPKAN,+ KATANYA.

MENGENAI PERWAKILAN UMNO NEGERI SABAH YANG BERCADANG BERJUMPA DENGAN BELIAU UNTUK MENDAPATKAN RESTU PENUBUHAN UMNO DI NEGERI ITU, KATANYA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI KERANA IA HANYA BOLEH DIPUTUSKAN OLEH MAJLIS TERTINGGI UMNO. -- BERNAMA
0008MST 23 05 86